

Umno Perlu Berubah Seiring Masa Dan Suasana Politik
Bername
May 11, 2014

KUANTAN, 11 Mei (Bernama) -- Umno perlu berani berubah seiring dengan peredaran masa dan suasana politik pada masa kini untuk memastikan parti politik utama orang Melayu itu lebih terbuka dan terus diterima rakyat.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Mohd Sharkar Shamsudin berkata, landskap politik pada masa kini tidak lagi sama seperti 68 tahun lalu sewaktu Umno ditubuhkan.

"Kita lihat Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak kini berusaha sedaya upaya mencari pendekatan supaya kita (Umno) akan sentiasa relevan dan diterima rakyat.

"Perubahan perlu dilakukan kerana corak dan pemikiran masyarakat sudah berbeza ketika ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penutupan dan penyampaian hadiah 'Brooks Kuantan Half Marathon Panoramic Pahang 2014' di sini Ahad.

Katanya, dalam masa yang sama idealisme perjuangan parti harus diteruskan iaitu dalam soal mempertahankan agama, bangsa Melayu dan negara.

"Sebab itu kita kena faham Umno ini adalah parti untuk orang Melayu kerana untuk orang Cina, MCA ada untuk menjaga kebajikan mereka, manakala bagi kaum India pula, mereka ada MIC," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037432>